

# UMS-KAL anjur Ceramah Akademik 15 Feb

UB 08/02/2012 B4

**B**AHAGIAN Perkhidmatan Akademik (BPA), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan menganjurkan Ceramah Akademik Siri 2/2012 peringkat UMS-KAL pada 15 Februari depan.

Penolong Pendaftar Kanan BPA, Roslan Gimba berkata Pengarah Pusat Perkembangan Akademik UMS, Prof Dr Markus Jopony akan menyampaikan ceramah bertajuk 'Kecemerlangan Akademik di UMS: Isu dan Cabaran.'

Katanya, ceramah yang akan diadakan di Dewan Theatrette bermula pukul 8.30 pagi itu akan dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Beliau yang juga Pengurus Ahli Jawatankuasa Penganjur berkata selain ceramah berkenaan, Prof Dr Markus juga akan menyampaikan taklimat mengenai Audit Autonomi serta sesi soal jawab bersama

pensyarah.

Sehubungan itu, Roslan memohon kerjasama pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) untuk menghadiri ceramah berkenaan.

Turut dijemput menghadiri ceramah berkenaan ialah ketua-ketua bahagian, pegawai kanan dan empat orang wakil setiap bahagian dan sekolah.

"Warga UMS-KAL terutama pensyarah turut bertanggungjawab membantu UMS mencapai kecemerlangan dalam akademik demi kepentingan pelajar dan masyarakat setempat," katanya selepas mempergerusikan mesyuarat AJK Penganjur di Bilik Mesyuarat BPA, kelmarin.

Turut hadir Penolong Pegawai Tadbir BPA merangkap Setiausaha, Che Din Mohd Salleh.



**ROSLAN** (tiga kanan) bersama AJK Penganjur Ceramah Akademik Siri 2/2012 peringkat UMS-KAL.